



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM
KASIH REMAJA KOTEX #SheCan Project**

TARIKH/MASA/LOKASI

**29 JANUARI 2024 (ISNIN) | 11.00 pagi
Hikmah Exchange Event Centre**

Kemaskini: 28 Jan 2024

Terima kasih, Priscilla

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur
dan Salam Malaysia Madani

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita dapat bersama dalam **MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KASIH REMAJA KOTEX #SheCan Project** pada pagi ini.

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak terutamanya PPD Kuching dan PPD Padawan yang telah memberikan kerjasama yang begitu baik agar kita dapat menjayakan program ini pada pagi ini. Terima kasih juga kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) yang sudi menjadi pempamer untuk program kita.

3. Tidak lupa juga kepada agensi-agensi KPWKM – Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
4. Hari ini menandakan langkah penting dalam perjalanan kolektif antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kotex Malaysia untuk membina masa depan yang lebih cerah bagi anak-anak gadis dan juga untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan lelaki

tentang isu haid. Pada hari ini, bersama-sama kita menoktahkan stigma yang telah lama menyelubungi masyarakat kita mengenai haid.

5. Seperti yang telah dijelaskan oleh Saudara Lim dalam ucapan beliau, kerjasama antara Kementerian kami dan Kotex Malaysia akan menguatkan lagi suara dalam menyatakan bahawa stigma haid tidak mempunyai tempat dalam masyarakat kita. Sudah berkurun lama nya, wanita dan gadis telah menghadapi cabaran dan terpaksa mengemudi haid mereka dalam bayang-bayang dan terbeban oleh maklumat yang kurang tepat.

6. Namun, ini bukanlah suatu hakikat yang kita perlu terima. Oleh itu, kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan sokongan dari sektor swasta dan NGO akan memastikan perubahan ada di sini.

7. Kami akan memperkasakan 600,000 (enam ratus ribu) anak gadis Malaysia dengan akses kepada alat kebersihan haid yang sesuai dan juga dengan pendidikan tentang kesihatan reproduktif. Ini bukan hanya soal sanitasi, tetapi tentang maruah, keyakinan, dan potensi penuh mereka.

8. Kami juga mengambil inisiatif untuk memperkasakan pelajar lelaki dengan pengetahuan dan kesedaran tentang isu haid dan kesihatan reproduktif. Ini adalah langkah penting dalam membentuk generasi yang lebih berempati dan memahami.

9. Saya amat berbesar hati melihat kehadiran para pelajar lelaki di sini pagi ini. Keberadaan anda semua adalah penting dalam usaha kita untuk mengurangkan stigma dan mendidik lelaki masa depan agar memahami tentang haid dan kesihatan reproduktif. Ini bukan sahaja isu wanita, tetapi isu yang

memerlukan kesedaran dan pemahaman dari semua, tanpa mengira jantina.

10. Melalui Program KASIH Remaja: Sihat & Selamat, kami mengendalikan pelbagai program pendidikan termasuk anti gangguan seksual dan hak kanak-kanak. Kami berusaha untuk melindungi dan memperkasakan gadis muda, serta membina kesedaran di kalangan lelaki muda.
11. Untuk pengetahuan semua, tahun lepas, LPPKN telah mengeluarkan Laporan Kajian Status Pengurusan Haid dalam

Kalangan Pelajar Perempuan di Sekolah Menengah yang melibatkan seramai 130,000 pelajar perempuan. Laporan ini mendapati bahawa seramai 9.9% remaja perempuan di seluruh negara mempunyai masalah untuk mendapatkan produk pengurusan haid.

12. Melalui kajian tersebut juga, didapati negeri Sarawak mempunyai peratusan tertinggi dalam kurangnya akses bagi mendapatkan produk pengurusan haid iaitu 15.2%. Seperti yang dikatakan oleh Saudara Lim sebentar tadi, isu akses kepada produk haid dan juga stigma haid semestinya tidak mempunyai tempat dalam masyarakat kita.

13. Pagi tadi, adik-adik juga telah mendengar sesi dari LPPKN tentang Kemahiran Sosial Remaja dan juga dari JPW tentang Akta Gangguan Seksual & Hak Remaja.
14. Adik-adik juga telah mendengar dari JKM tentang Advokasi Kanak-Kanak dan juga tentang Psikologi remaja dari Pusat Sokongan Sosial Setempat YKN.
15. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kotex Malaysia atas kerjasama ini. Kami mengalu-alukan sokongan dari sektor

swasta, NGO, dan setiap individu dalam usaha bersama kami. Pembinaan negara bukan sahaja tanggungjawab kerajaan, tetapi bergantung pada komitmen kita semua.

16. Marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran, pecahkan halangan, dan membina masyarakat di mana haid tidak lagi menjadi halangan kepada kejayaan wanita dan di mana setiap individu, tanpa mengira jantina, memahami dan menghormati proses ini.

17. Izinkan saya mengakhiri dengan serangkap pantun:

Berjalan-jalan di Darul Hana

Singgah gerai air kelapa

Lelaki dan wanita sama pentingnya

Kesedaran haid untuk semua

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
13 Januari 2024 (Sabtu)